

Jilid 2/2016, Isu 2

31 Disember 2016

Visi

Memulihkan hutan semula jadi dan menguruskannya secara mampan

Matlamat Dasar

Membekal sumber kayu kayan yang konsisten, menepati jangkaan dan mampan dari hutan NFM dan ITP (BASIL)

Nilai-Nilai Dasar

- Melakukan perkara yang betul, walaupun tiada sesiapa yang mengetahui;
- Cinta dan hormat pada diri sendiri, rakan-rakan dan alam semulajadi;
- Mengiktiraf dan menggalakkan kerja berpasukan, dan tidak pernah mengecewakan ahli-ahli pasukan;
- Peningkatan dan pembaharuan diri dan Sapulut yang berterusan melalui proses latihan, pembelajaran dan pelaksanaan
- Disiplin - disiplin diri, pemikiran dan tingkah laku yang berdisiplin;
- Melaksanakan tugas biasa dengan hasil yang luar biasa dan memuaskan.

Pandangan Pekerja

- *"Bekerja dengan Sapulut adalah hebat kerana ianya dekat dengan kampung saya dan syarikat menyediakan penginapan yang baik untuk pekerja"- Pemandu, berkhidmat selama 12 tahun.*
- *"Saya berpuas hati dengan persekitaran kerja, sistem pengurusan dan rakan sekerja yang baik"- Kerani, berkhidmat selama 2 tahun.*
- *"Saya gembira dan kagum akan cara Sapulut menguruskan hutan"- JFR, berkhidmat selama 3 tahun.*
- *"Sapulut telah mencapai pelbagai kemajuan selama ini. Dengan pengurusan yang sistematik—peningkatan besar pada sistem penanaman—keseluruhannya saya sangat bangga" - Senior Forest Officer, berkhidmat selama 10 tahun.*
- *"Saya sangat bersyukur kerana diberikan peluang yang sama, peluang untuk meningkatkan kemampuan saya dan membangukan kerjaya saya. Tempat kerja dengan pemandangan yang indah, rakan sekerja yang baik, ianya adalah rumah kedua saya" - Pegawai, berkhidmat selama 4 tahun.*

"SAYA LIHAT, SAYA FIKIR, SAYA LAKUKAN" ("I SEE, I THINK, I DO")

Apabila tsunami melanda Fukushima di Jepun, reaktor dalam kuasa nuklear rosak. Untuk mengelakkan keadaan yang tidak baik daripada menjadi lebih teruk, pengurus stesen tahu bahawa dia perlu menutup reaktor nuklear. Tetapi kuasa untuk menutup reaktor terletak pada Presiden, kerana dia adalah satu-satunya orang yang boleh memberikan kuasa untuk menutupnya.

Walaupun zaman moden ini komunikasi berkelajuan tinggi, Presiden tidak dapat dihubungi - tiada siapa yang menjangkakan tsunami telah menutup sepenuhnya grid kuasa dan merosakkan rangkaian komunikasi.

Daripada **melakukan perkara yang betul** dengan menutup reaktor serta merta, pengurus stesen menangguhkan keputusan kepada Presiden, dan masa berharga telah disia-siakan, dan impak negatif bertambah teruk dari semasa ke semasa. Pengurus itu mengelak daripada kesilapan dengan melepaskan tanggungjawab kepada Presiden.

Sehingga hari ini, masih terdapat kebocoran reaktif berterusan dari loji kuasa nuklear, dan kebocoran tersebut mengalir terus ke dalam Lautan Pasifik. Dengan arus lautan, bahan-bahan radioaktif sedang digerakkan dan rantaian makanan kita terjejas.

Bagaimana jika....

Bagaimana jika pengurus stesen nuklear menggunakan minda yang berbeza iaitu **"Saya lihat, Saya fikir dan Saya Lakukan"**? Reaktor nuklear akan ditutup lebih awal, dan bencana dahsyat ini dapat dielakkan.

Bagaimana mempratikkan amalan "Saya lihat, Saya fikir dan Saya Lakukan"?

1. **Lakukan perkara yang betul, bukan hanya mengelak dari kesilapan**
Pengurus stesen kuasa nuklear adalah seorang pakar dan terlatih, tetapi dia tidak melakukan perkara yang betul (menutup reaktor dengan segera) tetapi dia memilih untuk mengelakkan daripada kesilapan (dengan mengikuti polisi syarikat pada tempoh kritikal apabila masa adalah penting).
2. **Saya lihat, saya fikir...**
Bagaimana jika dia telah mengambil masa untuk "berfikir" dan bertanya sendiri **"bagaimana jika?"** daripada pergi ke *default mode* dan hanya menyampaikan maklumat kepada Presiden. Sekiranya dia menyadari akibatnya bila dia tidak bertindak (orang-orang mati, kerosakan tidak boleh diperbaiki). Adakah dia akan bertindak? Tiada apa yang berlaku sehingga tindakan diambil. Dalam kes Fukushima, pengurus kilang tidak bertindak, tetapi mengambil masa untuk berkomunikasi dengan beberapa orang yang mempunyai kuasa. Ia akan menjadi lebih baik jika dia bertindak, atau diberi kuasa untuk bertindak.

3. **"Saya lakukan..."**

Tindakan diperlukan.

Sebagai MDO, selepas kami menjelaskan matlamat dan memastikan bahawa "pelaku" adalah kompeten untuk tugas itu, kita memberi kuasa kepada individu yang mempunyai kuasa untuk bertindak. Individu yang diberi kuasa mempunyai kebebasan untuk bertindak, pada masa dan mengikut cara yang difikirkannya terbaik, dengan KESELURUHAN proses atau pasukan dalam fikiran. Kami menetapkan matlamat (niat kami) tetapi tidak memberi arahan yang tepat, kerana pekerja di lapangan lebih memahami daripada kita.

Oleh itu kuasa terletak pada mereka yang mempunyai maklumat, dan bukannya maklumat yang akan datang kepada mereka yang mempunyai kuasa.

4. **Mengubah persekitaran, dan bukannya pekerja**

Selepas menetapkan matlamat yang realistik dan mendapatkan orang yang tepat di tempat yang betul, jika perkara itu tidak berjaya, MDO mesti mengubah persekitaran.

Satu contoh ialah CS, di mana ia menghadapi beberapa cabaran. Kami telah menetapkan matlamat (melayani pelanggan-pelanggan kami dengan baik, pengedaran tepat, kesegaran kayu balak, tidak ada sisa kayu balak atau ditolak oleh pelanggan, mengurangkan kayu balak LG, sasaran jumlah) tetapi ia masih tidak berjalan sebagaimana yang diharapkan.

Kami mengubah persekitaran dengan menggerakkan beberapa orang dengan tanggungjawab yang berbeza, mengubah aliran kerja, menggunakan alat-alat tambahan seperti tablet dan mengemaskini LFIS, mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan akauntabiliti dan komunikasi yang lebih baik antara pasukan- kita mengambil langkah yang perlu untuk meningkatkan CS.

Maklum Balas dan Berkomunikasi

Akhir sekali, memberi maklum balas supaya kita semua tahu apa yang berlaku dan melihat bagaimana kita boleh membantu antara satu sama lain. Maklum balas adalah satu bahagian penting dalam komunikasi, dan ia adalah salah satu cara untuk melibatkan diri antara satu sama lain, dan menyediakan satu cara untuk memperbaiki berterusan.

Kesimpulan:

Dengan melibatkan diri kita dengan pemikiran yang positif "saya lihat, saya fikir, saya lakukan", kita akan mendapati diri kita seorang yang dihargai, dan akan meningkatkan keyakinan kita sendiri. Kita akan berasa lebih baik mengenai diri kita sendiri, dan menjalani kehidupan yang lebih memuaskan dan bermakna.

Norman Wong, Pengarah Urusan
(22 Disember 2016)

GET INVOLVED: If you like to contribute articles, feel free to submit to newsletter@sapulut.com or contact any of the team members:-

KK Office: Deckna Mosinoh & Theresia Richard

Base Camp: Teddy Sius (FMUEM Office), Lowilyn Bazar, Johnson Joseph & Ewe Asjera Janim.

We welcome any feedback or comments to improve the contents of our newsletter. We also welcome any of the staff who wish to become a member of Newsletter Team.

International Heart of Borneo and Ramsar Conference

International Heart of Borneo (HoB) dan Ramsar Conference telah diadakan pada 07 November sehingga 10 November 2016 di Magellan, Sutera Harbour, Kota Kinabalu. Tahun ini Sapulut telah mengambil bahagian dengan menubuhkan tempat pameran untuk berkongsi dan mempamerkan aktiviti dan operasi dalam FMU 14.

Gambaran keseluruhan dan pengajaran yang diperolehi:-

- 1) Pelawat di tempat pameran kami adalah dari sektor kerajaan, FMU lain dan pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah berdekatan seperti:-
 - Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Pertanian Sabah dan Jabatan Pendidikan Sabah
 - Borneon Timber Sdn Bhd, KTS Plantation dan Sabah Softwood
 - Pelajar daripada SMK Tansau, Maktab Sabah, Sekolah Menengah La Salle dan Sekolah Menengah Stella Maris
 - Pelajar daripada Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Pertanian Malaysia

2) Komen:-

| | Komen Positif | Komen Negatif |
|-----------------------|--|---|
| Perhutanan Masyarakat | Peluang Pekerjaan yang sangat baik untuk masyarakat sekitar | Kurang penyertaan daripada NGO dalam Perhutanan Masyarakat |
| | Lawatan muhibah yang baik ke kampung | Kurang latihan untuk komuniti di sekeliling FMU |
| Ladang BASIL | Penuaian di masa depan akan memberi kesan kepada kawasan penampian, pokok yang dituai akan jatuh ke arah kawasan penampian | Jumlah sisa-sisa pokok yang rendah di kawasan penampian disebabkan oleh kerosakan apabila melakukan pembalakan DBH terpilih |
| | Perlindungan habitat dan biodiversiti di dalam kawasan penampian | Tidak kos efektif. Hasil adalah dari 30% daripada kawasan tetapi kos meliputi semua cth pembinaan jalan |
| | Perlindungan saluran air dan kesihatan tanah dengan tidak menggunakan baja kimia | Hasil tuaian yang rendah. Hanya 50% ditanam dengan kayu |
| | Menyediakan peluang pekerjaan | Penuaian di masa depan akan memberi kesan kepada kawasan penampian, pokok yang dituai akan jatuh ke arah kawasan penampian |
| GIS dan Pemetaan | | Boleh menggunakan lebih banyak latihan berkenaan dron dan GIS |
| Lain-lain | | Perlu menyediakan bahan-bahan bacaan yang boleh dibawa cthnya risalah |
| | | Kesilapan menaip yang lazim |
| | | Boleh menyediakan sampel benih, hasil hutan |
| | | Boleh berpakaian lebih formal dalam pakaian korporat Sapulut |

3) Pengajaran yang diperolehi:-

- *Booth Manning Officers (BMO)* sepatutnya menyokong antara satu sama lain ketika menyampaikan maklumat mengenai Sapulut dan operasi FMU 14.
- Untuk meningkatkan keyakinan diri apabila bercakap dalam bahasa Inggeris
- Bersabar dan fleksibel apabila berurusan dengan pelawat
- Untuk memahami isi kandungan bahan-bahan yang akan disampaikan
- Untuk menghantar pendaftaran penyertaan lebih awal
- Untuk memilih peserta yang sesuai untuk setiap kategori dalam sub-persidangan

Laporan daripada:

Jesse Tendahal, Regina Bail, Plorrah Paulinus, Renny Jinoleh and Fredolin Martin

Tema Konferens International Heart of Borneo 2016:

“Membolehkan dan Memperkasa Pemuliharaan Melalui Antaramuka Polisi Sains, Kewangan Pemuliharaan dan Penglibatan Komuniti ”



Gambar atas: Booth Manning Officer (BMO) Sapulut dengan En. Abdul Jamal Ibrahim, DFO Tibow di Konferens Heart of Borneo di Magellan, Sutera Harbour pada 07– 10 November 2016.



Gambar Atas: Dr. Colin R. Maycock, pensyarah daripada Fakulti Sains dan Sumber Alam, Universiti Malaysia Sabah di tempat pameran Sapulut bersama dengan En. Bryant Wong and En. Matthew Wong.



Gambar Atas: Professor David Newbery daripada Institut Tumbuhan Sains, University of Bern, Switzerland di tempat pameran Sapulut bersama dengan En. Norman Wong.



Gambar Atas: Staf Sapulut dengan Eng Weng Hong, perunding Sapulut untuk ITC dan staf daripada Jabatan Perhutanan Sabah.

Gambar Bawah: Pelawat daripada salah satu sekolah di Kota Kinabalu.



Pelajar UMS: Latihan Industri di Sapulut

Semasa Konferens HoB, beberapa pelajar, kebanyakannya daripada Universiti Malaysia Sabah, menyatakan minat mereka untuk menjalani latihan industri di FMU14. Hasil perbincangan dengan Penyelaras Kompleks Perhutanan, Penyelaras Intern dan pelajar yang berminat, pihak pengurusan telah memutuskan untuk menerima 8 pelajar dari dua kursus utama di Fakulti Sains dan Sumber Alam, Universiti Malaysia Sabah.

Pelajar-pelajar akan menjalani 6 bulan latihan industri dengan Sapulut bermula pada Februari 2017 sehingga Julai 2017.

Kesemua 8 pelajar tersebut adalah daripada:-

Kursus utama:

Perhutanan Tropika Antarabangsa

- 1) Wong Yi Ying
- 2) Nasrur Alfiuddin bin Mohammad Sidik
- 3) Choi Sher Pei
- 4) Francisca Romana Charles

Kursus utama:

Perladangan Hutan dan Perhutani

- 1) Haslina binti Laharum
- 2) Jackquelyn Anak Jalai
- 3) Martin Anak Ason
- 4) Vivian Royling

Daripada 8 pelajar tersebut, 5 orang dari Sabah, 2 orang dari Semenanjung Malaysia dan 1 orang dari Sarawak. Kesemua mereka mempunyai pengetahuan dan latihan asas dan meliputi topik-topik termasuk sains tanah, dendrology, patologi, ekologi hutan, survei, silvikultur, inventori hutan, GIS, pengurusan hutan, sains kayu dan pengurusan perladangan hutan.

Laporan daripada Jabatan Sumber Manusia

Datuk Sam Mannan: Lawatan Tahunan ke Sapulut

Pengarah Jabatan Perhutanan Sabah, Datuk Sam Mannan telah melawat Sapulut pada 18 Disember 2016. Beliau diiringi oleh kakitangan daripada Jabatan Perhutanan Sabah, Sandakan dan Jabatan Perhutanan Tibow.

Datuk Sam amat gembira semasa lawatan itu dan mengucapkan tahniah kepada pasukan Sapulut pada komitmen, dedikasi dan menegakkan nilai-nilai teras kami. Datuk turut mengulas bahawa lawatan tahunannya merupakan lawatan yang memuaskan kerana dia telah ditunjukkan keadaan sebenar operasi dan bukannya kawasan-kawasan yang telah disediakan khas untuk lawatan itu.

Komen keseluruhan daripada Datuk:-

1. Lawatan lapangan—keseluruhan, sangat baik kerana pengurusan penanaman dan penyelenggaraan di kawasan penanaman adalah baik
2. Kagum dengan pasukan Sapulut yang terdiri daripada golongan orang muda dan mengesyorkan untuk membangunkan mereka lebih jauh
3. Dedikasi dan komitmen yang jelas daripada Pejabat Pengarah urusan dan pasukan yang berada di lapangan
4. Sapulut mempunyai masa depan yang cerah, dibuktikan oleh perhatian kepada kepelbagaian biologi dan ekosistem melalui baki kawasan penanaman dan penanaman *strip line*

Dalam lawatan tahunan ini, Sapulut mengambil peluang untuk bertanya kepada Datuk Sam mengenai isu payau yang menjadi salah satu masalah utama kami. Datuk Sam berkata semua FMU juga menghadapi masalah yang sama dan dia menasihatkan supaya lebih pergerakan manusia untuk menghalang payau itu. Beliau juga memberikan pendapat untuk membina pondok kecil / tempat tinggal di tempat-tempat strategik di mana serangan sering berlaku supaya payau akan takut dengan pergerakan manusia.

Datuk Sam juga melihat kawasan yang ditanam dengan *Terminalia copelandii*, juga dikenali sebagai payung-payung, dan beliau kagum dengan prestasi pertumbuhan yang baik kerana ia biasanya tumbuh agak perlahan dalam tempoh 2 tahun pertama.



Gambar atas:

Staf Sapulut bersama dengan Datuk Sam Mannan, Pengarah Jabatan Perhutanan Sabah semasa lawatan tahunannya ke FMU 14, Sapulut Forest Development Sdn Bhd pada 18 Disember 2016.



Gambar Atas:

Name: Sambar Deer (Payau or Rusa)

Nama saintifik: *Cervus unicolor*

Tempat: Salt Lick

Ditangkap menggunakan perangkap kamera

Galeri Sapulut

Sapulut memiliki *salt lick* yang semula jadi terletak di Kompartmen 218A. Kawasan ini adalah kira-kira 5 hektar dan terletak dalam jarak 24 km dari Pejabat Kompleks Perhutanan Sapulut. Kawasan ini diklasifikasikan sebagai kawasan *HCVF (High Conservation Value Forest)* dan mempunyai potensi untuk menjadi kawasan pemerhatian penyelidikan dan hidupan liar untuk pengumpulan data hidupan liar pada masa depan.



ADAKAH ANDA TAHU MENGENAI SALT LICKS?

Fakta #1:

Mineral Lick adalah tempat di mana haiwan boleh pergi mendapatkan mineral dan nutrient yang penting daripada garam dan mineral lain.

Fakta #2:

Mineral lick boleh wujud secara semulajadi atau buatan (seperti blok garam yang diletakkan oleh petani di padang rumput untuk ternakan menjilat).

Fakta #3:

Natural licks membekalkan biometal (natrium, kalsium, besi, fosforus, zink dan unsur surih) yang diperlukan di musim bunga untuk tulang, otot, dan pertumbuhan lain dalam rusa dan hidupan liar lain seperti gajah, tapir, landak dan lain-lain hidupan liar.

Fakta #4:

Tempat tersebut adalah sangat penting dalam ekosistem dengan ketersediaan nutrient yang umum adalah rendah. Banyak haiwan kerap melawat tempat ini untuk mengambil tanah liat, menambah diet mereka dengan nutrien dan mineral.

Rujukan: https://en.wikipedia.org/wiki/Mineral_lick



Gambar 1 & 2: *Natural salt lick* di Kompartmen 218A, Sapulut Forest Development (FMU14).

Gambar 3: *Rafflesia keithii* — ditemui di CPT 192 dengan diameter 18sm. Ia dikategorikan sebagai spesies yang dilindungi sepenuhnya (*Checklist of Protected Plant Species—Schedule 1*). Untuk melindungi spesies berharga seperti ini, kawasan tersebut ditanda untuk menghalang sebarang aktiviti yang boleh memberi kesan kepada spesies itu.

Gambar 4: Tunas muda berhampiran bunga dan belum mekar.

Gambar 5: *Rafflesia* tidak mempunyai musim mekar yang boleh diramal dan ianya mengambil 6 hingga 9 bulan untuk mekar daripada tunas. Bunganya hanya bertahan selama 5 hingga 7 hari sahaja.

Perayaan Krismas di Wisma Manikar

Perayaan Krismas 2016 telah diadakan di Mezzanine Floor, Block A, Wisma Manikar pada 20 Disember 2016 dengan minuman petang. Ia telah dianjurkan oleh kakitangan Sapulut dan semua kakitangan di bawah kumpulan Wong Chik Lim Holdings telah dijemput untuk menyertai sambutan perayaan ini. Sambutan itu bermula dengan ucapan ringkas daripada Encik Norman Wong dan diteruskan dengan karoling pasukan Sapulut yang diketuai oleh Encik Stephen Garces.



Gambar 1: Encik Norman Wong memotong kek Krismas

Gambar 2: Karoling Krismas daripada staf Sapulut yang diketuai oleh Encik Stephen Garces

Gambar 3: Staf Sapulut di Pejabat KK dengan senyuman Krismas mereka

Warmest thoughts and best wishes for

A WONDERFUL CHRISTMAS 2016 AND A VERY HAPPY NEW YEAR 2017

From:
The Newsletter Team of Sapulut Forest Development Sdn Bhd